



03 APR, 2021

Sanggup tinggalkan kerja makan gaji, usahakan raja buah

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2



MOHD. NOR menunjukkan durian Musang King yang pertama kali berbuah di kebunnya.

Sanggup tinggalkan kerja makan gaji, usahakan raja buah

RAUB – Penanaman durian Musang King di daerah ini terus mendapat perhatian pelbagai golongan yang berminat untuk menjadikannya sebagai satu kerjaya yang mampu menjanjikan pendapatan lumayan.

Potensi itu mendorong seorang pemuda, Zamri Othman, 45, bertekad berhenti kerja dalam bidang kejuruteraan dan mengusahakan penanaman Musang King di Dong, Raub.

Pemilik syarikat Zamri Agro Farm itu berkata, keputusannya melaburkan kira-kira RM1.4 juta untuk penanaman durian pada tahun 2013 berbaloi apabila dia kini mempunyai kira-kira 580 batang pokok durian jenis Musang King dan Duri Hitam.

"Dari awal lagi saya nampak potensi besar durian Musang King dan bermula dengan menanam 200 pokok di kawasan tanah seluas 2.8 hektar dan sehingga kini saya sudah memperluaskan penanaman durian kepada 580 pokok di tanah seluas 6.4 hektar.

"Sememangnya tanaman ini memberi pulangan lumayan. Permintaannya juga cukup tinggi. Walaupun ladang saya mampu mengeluarkan 500 kilogram (kg) durian sehari, ia masih tidak mencukupi," katanya.

Menurut Zamri, biarpun penanaman Musang King memerlukan penjagaan rapi, tetapi apabila mengeluarkan hasil selepas empat tahun, ia amat berbaloi.

Katanya, pengeluaran buah durian Musang King di ladangnya terus meningkat dari tahun ke tahun yang menyaksikan pada tahun ini kebanyakannya pokok durianya yang berusia lapan tahun mempunyai kira-kira 140 biji du-



ZAMRI menunjukkan durian Musang King di ladang Zamri Agro Farm di Raub baru-baru ini.

rian bagi setiap pokok.

"Dengan penjagaan sempurna, sebijih buah Musang King dianggarkan seberat antara 2kg sehingga 5kg. Jika umur pokok melebihi 10 tahun, ia boleh memberikan hasil hingga ratusan ribu ringgit bagi setiap pokok," ujarnya.

Sementara itu, Mohd. Nor Sa, 55, berkata, dia membuat keputusan untuk menebang pokok getah di kebunnya dan digantikan dengan penanaman durian Musang King sejak 2015 meman-

dangkan penanaman raja buah itu lebih menguntungkan.

Katanya, ketika ini dia telah menanam 300 pokok durian Musang King di kawasan tanah seluas 4.5 hektar di Jelu di sini dengan bantuan dan tunjuk ajar daripada Jabatan Pertanian.

"Alhamdulillah pokok durian tumbuh dengan subur di sini dan pada tahun ini, pokok sudah mula berbuah dan saya gembira mula mendapat hasil pertama," katanya.



03 APR, 2021

Sanggup tinggalkan kerja makan gaji, usahakan raja buah

Kosmo, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

MOHD. NOR menunjukkan durian Musang King yang pertama kali berbuah di kebunnya.

RAUB - Penanaman durian Musang King di daerah ini terus mendapat perhatian pelbagai golongan yang berminat untuk menjadikannya sebagai satu kerjaya yang mampu menjanjikan pendapatan lumayan. Potensi itu mendorong seorang pemuda, Zamri Othman, 45, bertekad berhenti kerja dalam bidang kejuruteraan dan mengusahakan penanaman Musang King di Dong, Raub. Pemilik syarikat Zamri Agro Farm itu berkata, keputusannya melaburkan kira-kira RM1.